

03/12/1999

Barisan Exco Melaka ditentukan minggu depan

MELAKA, Khamis - Barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) negeri akan ditentukan selewat-lewatnya minggu depan selepas mendapat kebenaran daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu Ketua Menteri Melaka yang baru dilantik, Datuk Wira Mohd Ali Mohd Rustam, berkata beliau akan menemui Perdana Menteri dalam waktu terdekat ini untuk mencadangkan beberapa nama yang difikirkan layak.

Bagaimanapun, sehingga ini, beliau masih belum menyediakan senarai berkenaan dan berharap dapat dibuat dalam sehari dua ini.

"Saya juga akan merujuk senarai nama Exco kepada Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabuddin untuk mendapat perkenaan," katanya kepada pemberita selepas mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Melaka ke sembilan jam 9.10 pagi di hadapan Syed Ahmad di Istana Melaka, Bukit Beruang di sini, hari ini.

Turut hadir bekas Ketua Menteri yang kini menjadi Ahli Parlimen Jasin, Datuk Seri Abu Zahar Isnin; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Abdul Aziz Omar dan beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun).

Pelantikan Mohd Ali sebagai ketua menteri, mengesahkan beberapa spekulasi sebelum ini bahawa kepulangan beliau untuk bertanding di Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya Rumput, adalah persiapan untuk menjadi ketua menteri.

Mohd Ali sudah tentu membuat rombakan dalam barisan exco berikutan tiga exco sebelum ini iaitu Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya dan Kemudahan Awam negeri, Datuk Yasin Mohd Sarif, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Keluarga, Belia dan Sukan negeri, Datuk Noordin Yaani dan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Hal Ehwal Agama Islam negeri, Datuk Mohd Shariff Mohd Drus, tidak dicalonkan semula dalam pilihan raya lalu.

Mengenai wawasannya, Mohd Ali berkata, beliau akan memberi keutamaan kepada sektor pelancongan selain meningkatkan lagi kemudahan infrastruktur yang ada di negeri ini.

"Negeri ini mempunyai potensi yang cerah dalam sektor pelancongan kerana selain memiliki khazanah lama, ia juga boleh menjadi pusat membeli belah dunia serta pusat persidangan. Melalui pelbagai usaha yang dijalankan, saya berharap dapat menjadikan Melaka sebagai negeri pelancongan utama," katanya.

Ketika ditanya mengenai hubungan serta sokongan kakitangan kerajaan negeri terhadapnya, Mohd Ali berpendapat, beliau tidak menghadapi masalah berkomunikasi dengan semua kakitangan bawahan. Selain mengharapakan sokongan padu, beliau juga bersedia menerima nasihat serta teguran semua pihak bagi membantu memperkemas lagi jentera pentadbiran.

Mohd Ali berkata, beliau juga tidak menghadapi masalah menjalankan tanggungjawabnya dengan berkesan kerana sebelum ini, dia pernah bertugas sebagai Pengarah Kemas negeri pada 1982 serta menjadi ahli Exco selama dua penggal, iaitu mulai 1986 hingga 1995.

"Oleh kerana masih ramai lagi rakan-rakan lama yang pernah berkhidmat dengan saya dulu berada di negeri ini, ia memudahkan lagi saya untuk menjalankan tanggungjawab sebagai ketua menteri," katanya.

(END)